

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PEMELIHARAAN
PERMAINAN “GENDANG” TRADISIONAL DI KAMPUNG GELANG
MAS, PASIR MAS KELANTAN.**

ZATA ALWANI BINTI MAKHTAR

C18A0465

**UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PEMELIHARAAN
PERMAINAN “GENDANG” TRADISIONAL DI KAMPUNG GELANG
MAS, PASIR MAS KELANTAN.**

ZATA ALWANI BINTI MAKHTAR

C18A0465

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

AKSES
TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:



Tandatangan

Nama: Zata Alwani Binti Makhtar

Tarikh: 28 FEBRUARI 2022



Tandatangan Penyelia
DR. SURAYA BINTI SUKRI
Senior Lecturer
Faculty of Creative Technology and Heritage
University Malaysia Kelantan

Nama: Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh: 28 FEBRUARI 2022

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya panjatkan kesyukuran he hadrat Ilahi telah melimpahkan rahmat dan nikmatnya yang tidak terhingga dari segi masa, nyawa, keselamatan, kefahaman dan tenaga yang telah dianugerahkan kepada saya sehingga dapat menyiapkan projek penyelidikan hasil penulisan saya sendiri. Projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya pada masa yang ditetapkan bagi memenuhi syarat untuk saya memperolehi segulung Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan bagi sesi 2022.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih dirakamkan kepada Dr. Suraya Binti Sukri atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan projek penyelidikan ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh beliau selaku penyelia saya banyak membantu dalam menjayakan untuk menghasilkan penulisan projek penyelidikan saya ini. Saya amat menghargai kesabaran Dr. Suraya Binti Sukri yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi serta cepat dalam memberikan tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang kajian ini dijalankan.

Selain itu, penghargaan dan ribuan terima kasih turut saya tujukan kepada ibu bapa saya serta ahli keluarga yang telah turut sama membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini. Segala sokongan moral, fizikal, mental dan kewangan yang telah diberikan sangat membantu dalam meneruskan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dari segi moral dan mental dalam menjana idea-idea dan tidak berkira berkongsi maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada informan yang terlibat dalam menjayakan untuk mendapatkan maklumat mengenai alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan terutama Encik Hamzah bin Yusoff serta informan-informan yang telah banyak membantu memberi maklumat berkaitan kajian ini.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan kajian ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
KANDUNGAN	
PERAKUAN	
PENGHARGAAN	
ISI KANDUNGAN	
SENARAI RAJAH	
SENARAI JADUAL	
ABSTRAK	
ABSTRACT	
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian	2-4
1.2 Permasalahan Kajian	4-5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6-8
1.6 Kepentingan Kajian	8-9
1.7 Penutup	9
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	10
2.1 Konsep Warisan	11
2.2 Warisan Tidak Ketara	11-12
2.3 Sejarah Gendang	12-13
2.4 Jenis Gendang	13
2.5 Fungsi Gendang	14

2.6 Maksud Pemelihara	14-15
2.7 Pihak Berkepentingan	15-16
2.8 Kerangka Teori	16
2.8.1 1Stakeholder Teori Oleh R. Edward Freeman (1984)	17
2.9 Penutup	18
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	19
3.1 Pendekatan Kajian	20
3.2 Rekabentuk Kajian	21
3.3 Kaedah Kajian	21-22
3.3.1 Kaedah Kualitatif	22
3.4 Pengumpulan Data	23
3.4.1 Data Primer	23-24
3.4.1.1 Pemerhatian	24
3.4.1.2 Temu Bual	25
3.4.1.3 Analisis Maklumat Demografi	25-26
3.4.1.4 Latar Belakang Informan	26-30
3.4.2 Data Sekunder	31
3.4.2.1 Perpustakaan	31-32
3.4.2.2 Laman Sesawang	32
3.5 Persampelan Data	32-33
3.6 Analisis Data	33-35
3.7 Kesimpulan	35
BAB 4 ANALISIS DATA	
4.0 Pengenalan	36
4.1 Kepentingan Pemeliharaan Alat Muzik Gendang	37-40
4.2 Pihak Berkepentingan Yang Terlibat	40-42
4.3 Usaha Yang Dilakukan Oleh Pihak Berkepentingan	42-44

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	45
5.1 Rumusan Kajian	45-47
5.2 Cadangan Kajian	47
5.2.1 Cadangan Mewujudkan Kelab Muzik	47-48
5.2.2 Cadangan Mengadakan Pameran	48
5.3 Penutup	48-49
Rujukan	50-51

SENARAI RAJAH

1. Rajah 1.0: Peta daerah Pasir Mas, Kelantan
2. Rajah 3.0: Carta Alir Proses Analisis Data



SENARAI JADUAL

1. Jadual 3.0: Latar Belakang Informan Kajian
2. Jadual 3.1: Latar Belakang Informan Kajian



**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PEMELIHARAAN PERMAINAN
“GENDANG” TRADISIONAL DI KAMPUNG GELANG MAS, PASIR MAS
KELANTAN.**

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan “gendang” tradisional di kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Kelantan sememangnya mempunyai pelbagai budaya dan mempunyai pelbagai jenis warisan. Negeri Kelantan kaya dengan khazanah warisan iaitu kebudayaan, kepelbagaian jenis makanan, corak kehidupan, permainan, dan sebagainya. Kajian ini juga memfokuskan kepada setiap objektif kajian serta pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa individu yang memainkan peranan penting dalam pemeliharaan permainan gendang tradisional. Dalam hal ini, terdapat juga pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan permainan tradisional ini untuk memastikan permainan gendang dapat dipelihara bagi menjaga khazanah warisan. Kajian ini juga berpandukan kepada teori Teori Stakeholder mengenai pengurusan organisasi dan etika perniagaan yang menangani moral dan nilai dalam menguruskan organisasi. Kaedah ini dilakukan dengan pemerhatian secara langsung di lokasi kajian dan menemu bual lapan informan yang terdiri daripada pembuat gendang, generasi muda dan pihak berkepentingan. Warisan kebudayaan permainan alat muzik gendang ini mempunyai sejarah yang tersendiri dimana terdapat keistimewaan serta keunikan warisan tersebut bagi masyarakat khususnya penduduk di Kampung Gelang Mas ini.

Kata Kunci: Kepentingan Alat Muzik Gendang, Generasi Muda, Pihak Berkepentingan, Usaha

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PEMELIHARAAN PERMAINAN
“GENDANG” TRADISIONAL DI KAMPUNG GELANG MAS, PASIR MAS
KELANTAN.**


ABSTRACT

This research focused on the role of stakeholders in the preservation of traditional gendang in the village of Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Kelantan is indeed multicultural and has various types of heritage. The state of Kelantan is rich in heritage treasures such as culture, variety of food, lifestyle, games, and so on. This study also focuses on individuals who play an important role in the preservation of traditional drums. In this regard, there are also stakeholders who are responsible in the preservation of this traditional game to ensure that the drum game can be preserved as heritage treasures. This study is also guided by Stakeholder Theory theory on organizational management and business ethics which addresses morals and values in managing organizations. This method used in this study was direct observation at the study location and semi structured interviews with eight informants consisting of gendang makers, the representatives of younger generation and stakeholders. The cultural heritage of playing this gendang as a musical instrument has its own history where there is a special and unique heritage for the community, especially the residents of Kampung Gelang Mas.


Keywords: Importance of Drum Musical Instruments, Young Generation, Stakeholders, Business



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Negeri Kelantan sememangnya mempunyai pelbagai budaya dan mempunyai pelbagai jenis warisan. Negeri Kelantan kaya dengan khazanah warisan iaitu kebudayaan, kepelbagaian jenis makanan, corak kehidupan, permainan, dan sebagainya. Menurut catatan sejarah, Negeri Kelantan begitu gah dengan seni budaya, adat istiadat diraja dan permainan tradisional masyarakat tempatan (Zaharan,2000). Kelantan salah sebuah negeri yang terletak di kawasan pantai timur, dimana ia merupakan salah satu negeri yang terdiri daripada tiga belas buah negeri yang terdapat di Malaysia dan negeri Kelantan mempunyai seni budaya tradisional yang unik. Kebanyakan penduduk yang tinggal di negeri Kelantan terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan Siam. Negeri Kelantan mempunyai nama gelaran negeri iaitu negeri “Cik Siti Wan Kembang”. Namun negeri Kelantan tidak kaya dengan keindahan semulajadi tetapi negeri Kelantan kaya dengan kesenian warisan budaya yang pelbagai bentuk dan rupa.

Merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), akta ini menjelaskan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan kebudayaan tidak ketara agar berada dalam keadaan kekal dan dilindungi sebagai khazanah Negara. Menurut sumber daripada Jabatan Warisan Negara, permainan tradisional masyarakat melayu seperti wau, gasing, congkak, sepak raga, guli, batu seremban, dan gasing. Begitu juga dengan alat muzik tradisional seperti gendang, canang, gong, kompang, serunai, gambus, rebab dan rebana merupakan alat muzik tradisi warisan. Alat muzik yang paling penting bagi persembahan Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat ialah gendang. Gendang amat popular dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya masyarakat di Kelantan. Pada zaman dahulu, gendang terkenal apabila masyarakat melayu di

Kelantan ingin mempersembahkan satu budaya yang tersohor iaitu dikir barat. Gendang akan dimainkan apabila persembahan dikir barat mula dinyanyikan oleh seorang Tukang Juara. Dengan memainkan alat muzik tradisional ini, masyarakat dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kerana mereka memerlukan kerjasama dalam memainkan gendang agar kedengaran lebih indah dan serta merta dapat menarik perhatian masyarakat. Gendang mempunyai keunikan bentuk dan bunyi yang tersendiri. Keunikan gendang bukan sekadar paluannya dan bunyi-bunyian sahaja malah gendang juga boleh menonjolkan identiti, budaya, adat dan warisan bangsa serta sejarah asal-usul kepada masyarakat kita.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Persembahan seni muzik merupakan salah satu hasil ciptaan manusia bagi memenuhi keperluan hidup mereka iaitu dalam konteks hiburan bagi kepuasan diri (Maslow, 1943). Gendang ialah salah satu alat muzik tradisi masyarakat Melayu. Menurut Mohamed Ghouse Nasruddin (2003) orang Melayu telah mencipta pelbagai jenis permainan dan ritual termasuk alat-alat muzik seperti gendang bagi pelbagai tujuan. Gendang merupakan salah satu alat yang dapat menghasilkan bunyi yang diperbuat daripada kulit binatang seperti kerbau, kambing, dan lembu. Ia merupakan alat muzik dalam kelompok alat perkusi. Permainan gendang dimainkan ketika persembahan dikir barat, makyong, silat dan wayang kulit dimainkan. Setiap bangsa seperti Melayu, Cina dan India mempunyai gendang dengan nama yang tersendiri. Gendang mempunyai pelbagai saiz dan kegunaan yang tersendiri. Sebagai contoh, gendang Melayu mempunyai saiz muka yang berlainan dan ia dimainkan oleh masyarakat Melayu. Saiz muka yang berlainan itu mempunyai kulit binatang yang berbeza iaitu satu dipasang dengan kulit lembu dan satu lagi dipasang dengan kulit kambing. Bukan itu sahaja, terdapat juga gendang untuk dimainkan samaada ketika tari menari,

persilatan dan ada juga yang dimainkan ketika menyambut perayaan atau pertabalan Diraja. Gendang ini mempunyai dua saiz yang berbeza iaitu gendang yang bersaiz yang besar dipanggil sebagai gendang ibu manakala gendang yang bersaiz kecil dipanggil sebagai gendang anak (Anwar Omar Din 2008). Gendang ini dimainkan dengan cara meriba dan gendang tersebut berkedudukan melintang serta permukaannya dipalu dengan tapak tangan. Dalam pada itu, disebabkan permainan gendang ini wujud sejak zaman nenek moyang lagi seharusnya kita sebagai generasi baru mestilah memainkan peranan dalam memelihara permainan gendang tradisional agar warisan ini tidak dilupuk dek zaman.

Seterusnya, demi mempertahankan permainan gendang tradisional ini terdapat beberapa agensi yang terlibat dalam pemeliharaan permainan gendang ini misalnya, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Kelantan (JKKN Kelantan), dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Mereka merupakan pihak yang berkepentingan dalam memelihara khazanah warisan terutama permainan gendang. Dengan itu, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam meneruskan pemeliharaan warisan permainan gendang kepada generasi muda. Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2012 bagi meneruskan perkembangan dan menerapkan tradisi dalam kehidupan seharian, warisan ini mestilah dipelihara dan diberikan pendedahan kepada generasi muda. Namun demikian, terdapat beberapa peranan pihak berkepentingan yang menjadi peranan penting dalam pemeliharaan permainan gendang pada hari ini. Antara peranan mereka dalam pemeliharaan permainan gendang dengan mengadakan pelbagai persembahan yang melibatkan penggunaan permainan gendang antaranya seperti persembahan Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat. Hal ini kerana ianya dapat memberikan impak kepada penonton yang datang dan dapat menarik minat penonton apabila irama gendang berbunyi. Hal ini sekaligus dapat menarik minat generasi muda untuk mengetahui tentang

keunikan gendang dan mempunyai keinginan untuk belajar bermain gendang. Maka, dengan mengadakan persembahan yang melibatkan permainan gendang dapat menarik perhatian generasi muda untuk meneruskan warisan kebudayaan di negara kita. Hassan Ahmad (2006) pula berpendapat, tradisi tidak mengira zaman apa mahupun pada zaman ini, proses penciptaan budaya mestilah sambung-menyambung kepada generasi baru.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam meneliti arus permodenan ini, kehidupan setiap kelompok komuniti semakin berubah dengan teknologi moden. Permainan moden sekarang semakin membuat generasi muda melupakan permainan tradisi, perkara ini tidak dapat disangka kerana kepesatan teknologi yang berkembang sedikit sebanyak memberi kesan kepada golongan muda. (IBRAHIM, 2012). Menerusi perkara ini, generasi muda kini kurang mementingkan aspek warisan iaitu permainan gendang. Hal ini kerana, kurangnya kesedaran mengenai kepentingan permainan gendang dalam kalangan generasi muda. Bukan itu sahaja, budaya luar juga mempengaruhi seseorang individu untuk tidak mengendahkan tentang permainan alat muzik gendang dan mengurangkan minat terhadap permainan tradisional. Perubahan sikap dan nilai ini telah mengurangkan minat dan perhatian terhadap unsur warisan (Wan Abdul Kadir, 1988).

Selain itu, pihak berkepentingan mestilah memainkan peranan penting dalam pemeliharaan permainan gendang dengan mendedahkan tentang kepentingan menjaga khazanah warisan yang kita miliki kepada generasi muda terutamanya. Melalui ucapan Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak (Rokiah Abdullah, 2011) dalam arkib Utusan Online menekankan tentang *“Orang Melayu khususnya generasi muda perlu mengiktiraf dan menjadikan adat resam serta budaya berbudi yang diwariskan daripada generasi terdahulu sebagai prinsip hidup kerana ia mampu*

memperkasakan golongan berkenaan”. Namun demikian, kajian ini dijalankan disebabkan pelbagai masalah yang telah timbul di kepala pengkaji. Dalam kajian ini juga, peranan pihak berkepentingan amatlah penting agar dapat menyelesaikan masalah dalam pemeliharaan permainan gendang ini bagi menarik minat generasi muda dalam aktiviti, pertunjukkan dan persembahan permainan gendang. Bukan itu sahaja, ia juga dapat menceritakan tentang keunikan dan kehebatan persembahan permainan gendang ini kepada orang lain serta dapat menarik minat pelancong untuk ke negeri kita. Kebanyakan generasi muda kini kurang mengetahui akan kewujudan alat muzik tradisi ini yang mempunyai keunikan dan mempunyai nilai yang tinggi (Nurulakmal Abdul Wahid, 2014). Keunikan ini dapat dilihat melalui cara pembuatan dan struktur permainan yang dimainkan untuk menjadikan persembahan Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat lebih menarik. Peranan penting yang dimainkan oleh semua pihak berkepentingan dapat meningkatkan kesedaran generasi muda yang merupakan bakal pewaris kebudayaan warisan di negara kita.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Semasa melakukan kajian ini, terdapat pelbagai persoalan yang menjadi tanda tanya kepada pengkaji mengenai permainan tradisional gendang ini. Antaranya ialah:

1. Sejauhmanakah kepentingan permainan alat muzik gendang ini kepada generasi muda?
2. Adakah pihak berkepentingan turut terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang?
3. Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah membentuk beberapa objektif kajian sebelum menjalankan kajian mengenai peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang di kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Terdapat beberapa objektif kajian telah digariskan dan diteliti untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian yang dinyatakan:

1. Mengenalpasti kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda.
2. Mengkaji pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang?
3. Menganalisis usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang?

1.5 SKOP KAJIAN

Pasir Mas merupakan salah satu jajahan daripada sepuluh jajahan di Negeri Kelantan. Pasir Mas terletak dibahagian utara Negeri Kelantan yang bersempadan dengan jajahan Tumpat di sebelah Utara, Tanah Merah di sebelah selatan, Sungai Kelantan dan jajahan Kota Bharu di sebelah Timur serta Sungai Golok, Thailand di sebelah Barat (Majlis Daerah Pasir Mas, 2019). Oleh itu, kajian ini dijalankan di kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.



Rajah 1.0: Peta daerah Pasir Mas, Kelantan

Sumber: Portal Rasmi Majlis Daerah Pasir Mas (2019)

Rajah 1.0 di atas menunjukkan peta daerah Pasir Mas Kelantan di mana kajian ini akan dijalankan di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian yang tertumpu kepada lokasi kajian iaitu di rumah pembuat alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Pengkaji telah mendapati bahawa kawasan ini mempunyai seorang individu yang mahir dalam pembuatan gendang. Beliau merupakan pemuzik dan pembuat alat muzik tradisional di kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan sejak berpuluh tahun lalu. Beliau dikenali sebagai Pok Joh iaitu (Pak Hamzah). Oleh itu, kajian ini merangkumi masyarakat setempat di kawasan sekitar kampung Gelang Mas bagi mendapatkan data mengenai pengetahuan masyarakat terhadap permainan gendang. Kawasan ini sangat bersesuaian untuk pengkaji menjalankan kajian kerana jarak lokasi tempat kajian tidak jauh daripada kediaman pengkaji. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk membuat kajian lapangan yang melibatkan tinjauan ke rumah pembuat gendang di Kampung Gelang Mas bagi mendapatkan data untuk menjawab kepada objektif kajian.

Selain itu, bagi mencapai objektif kajian ini pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa individu yang memainkan peranan penting dalam pemeliharaan permainan gendang tradisional. Dalam hal ini, terdapat juga pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan permainan tradisional ini untuk memastikan permainan gendang dapat dipelihara bagi menjaga khazanah warisan. Menurut Wagner (2009) penglibatan pihak berkepentingan boleh membentuk modal sosial. Ianya penting dengan hasil kerjasama antara individu yang merupakan orang bertanggungjawab dan masyarakat setempat dalam membentuk untuk mendapatkan sokongan masyarakat.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Maklumat yang tepat amat penting supaya kajian yang dilakukan dapat menghasilkan keputusan yang cemerlang. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah bertujuan untuk masyarakat mengetahui kepentingan dan memelihara permainan gendang yang merupakan warisan budaya yang masih wujud dan berharap warisan ini diteruskan sehingga generasi akan datang. Selain itu, kajian ini akan melihat dan meneliti punca yang menyebabkan kurang tarikan generasi muda untuk meneruskan permainan ini. Kajian yang dijalankan ini juga amatlah penting dalam usaha pemeliharaan warisan permainan alat muzik gendang ini kepada generasi muda. Hal ini dapat mengekalkan keunikan alat muzik yang mempunyai bunyi yang diperbuat daripada kulit binatang. Kepentingan kajian ini memberi fokus kepada individu, universiti, dan masyarakat.

Kajian ini penting kepada individu yang memerlukan rujukan terperinci berkaitan pemeliharaan permainan alat muzik gendang. Kajian mengenai peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang ini akan membantu individu yang memerlukan maklumat tentang bagaimana pihak berkepentingan ini memainkan peranan dalam menarik minat generasi muda untuk meneruskan warisan budaya ini. Kajian ini akan menjadikan rujukan kepada individu

yang ingin mengetahui tentang permainan gendang. Kajian ini juga dipilih oleh pengkaji kerana ia mempunyai keunikan dan dapat menarik minat pengkaji untuk mengetahui lebih dalam mengenai alat muzik ini.

Kajian ini juga sedikit sebanyak akan mendorong mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan dan universiti awam lain untuk melakukan kajian yang lebih mendalam dan menjadikan sebagai rujukan tentang permainan alat muzik gendang dan dapat membantu pihak pengurusan universiti melahirkan mahasiswa yang cenderung menghasilkan kajian berkualiti di masa akan datang.

Di samping itu juga, pengkaji berharap masyarakat menyedari kewujudan alat muzik gendang adalah seni warisan kita dan juga berharap supaya masyarakat memperjuangkan seni ini seakan-akan “hidup segan mati tak mahu”.

Akhir kata, kepentingan kajian ini juga untuk mencari alternatif untuk memelihara dan memelihara warisan budaya yang terdapat di Negara kita dan memartabatkan warisan budaya ini agar tidak ditelan zaman.

1.7 PENUTUP

Kesimpulannya, alat muzik gendang ini seharusnya dipelihara dan dipelihara oleh ramai pihak. Hal ini kerana, alat muzik gendang ini amat penting kerana ia mampu bersaing dengan hiburan masa kini sehingga ke persada antarabangsa. Alat muzik gendang ini seharusnya dititikberatkan dalam kehidupan seharian supaya alatan muzik mampu berkembang dengan aktif seperti di zaman dahulu kala dan juga dapat diwarisi kepada masyarakat akan datang.

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan perkara berkaitan dengan kajian terdahulu yang mempunyai persamaan dengan kajian yang ingin dijalankan. Kajian-kajian lepas akan dianalisis secara umum dan menyeluruh bagi mengetahui kajian yang dilakukan berdasarkan teori dan metodologi yang sesuai digunakan. Melalui analisis yang dilakukan secara langsung hubungan antara kajian lepas dan juga kajian yang dilakukan oleh pengkaji saling berkait antara satu sama lain. Dalam penyediaan kajian ini, pengkaji mestilah memastikan kajian yang ingin dilakukan perlulah berkaitan dan mempunyai gambaran yang menyeluruh. Oleh itu, pengkaji telah memilih kajian mengenai pemeliharaan seni budaya warisan gendang pampat dalam masyarakat iban di Malaysia untuk dijadikan rujukan. Melalui kajian lepas, terdapat pelbagai kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang merangkumi aspek pemuliharaan dan juga alat muzik. Pengkaji menjalankan beberapa kajian ini dengan merujuk beberapa sumber seperti info-info daripada laman sesawang dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji dapat mengenalpasti kajian-kajian lepas yang boleh digunakan sebagai rujukan atau panduan utama serta cadangan untuk menjalankan kajian ini. Kajian terdahulu dijalankan bertujuan agar pengkaji dapat membezakan atau membandingkan serta menilai sesuatu definisi atau konsep dengan lebih terperinci. Selain itu, pengkaji dapat mengukuhkan lagi sesuatu kenyataan yang akan dirungkai dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

2.1 KONSEP WARISAN

Warisan ini mempunyai pelbagai definisi yang dapat ditakrifkan dan untuk memperoleh kefahaman mengenainya perlu memahami istilah yang digunakan dalam setiap penerangan maksud yang diberikan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) ia telah memberi penerangan tentang definisi warisan iaitu sesuatu yang berasal dari masa lampau dan telah diturunkan kepada turun-temurun oleh seseorang kepada sesebuah masyarakat baru. Oleh itu, setiap perbuatan dan daya kreativiti perlu dimiliki oleh sesebuah masyarakat dalam memperoleh sesuatu warisan supaya ia tidak dibayangi oleh masyarakat lampau.

Selain itu, hal ini juga disokong oleh dalam Akta Harta Benda Purba (1976) yang mendefinisikan sebarang peninggalan dari masyarakat lampau sama ada dalam apa jua bentuk seperti warisan yang tampak mahupun tidak. Warisan ini yang dimaksudkan apa-apa yang telah dihasilkan oleh masyarakat terdahulu dan telah menjadi kegunaan masyarakat generasi sekarang (Yusoff et al., 2008). Namun begitu, warisan pula terdiri daripada warisan budaya yang mempunyai pelbagai bentuk. Hal ini menunjukkan wujudnya keunikan yang dimiliki oleh Malaysia berbanding negara lain. Keunikan dan keistimewaan ini haruslah dijaga dan dipelihara oleh setiap masyarakat yang berada di negara Malaysia ini.

2.2 WARISAN TIDAK KETARA

Konsep warisan budaya tidak ketara menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2015) dalam kajian beliau iaitu Pemuliharaan Warisan Budaya melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa warisan budaya tidak ketara merupakan kegiatan budaya yang wujud hasil pengamatan terhadap alam untuk mengisi ruang kehidupan

manusia dan ianya diterima oleh manusia melalui proses pengalaman yang diwarisi secara turun temurun. Warisan tidak ketara merangkumi tradisi lisan, seni persembahan, muzik, lakonan, nyanyian dan lukisan. Warisan ini wujud melalui aktiviti budaya dan falsafah masyarakat terdahulu. Perbincangan tersebut telah memperlihatkan warisan budaya tidak ketara ini sebagai sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang serta telah mewujudkan ketamadunan manusia yang berasaskan ilmu pengetahuan untuk membentuk warisan turun temurun yang menjadi identiti kepada generasi akan datang. Sebagai contoh warisan tidak ketara ialah gendang. Khazanah warisan kesenian Melayu ini perlu dipelihara bagi kesenian warisan ini kekal hingga ke generasi seterusnya (Masril Mat Rosdi, 2019).

2.3 SEJARAH GENDANG

Sejarah perkembangan gendang dipercayai berasal dari istana. Gendang merupakan panggilan untuk rakyat manakala nobat bagi istana. Terdapat empat jenis alat muzik asas pada kumpulan gendang iaitu serunai, gendang ibu, gendang anak dan juga gong (Masril Mat Rosdi, 2019). Menurut Lee Elaine (2006), menyatakan bahawa gendang di bawah kategori membranophone. Menurut beliau lagi, suku kaum Sakai dan Jakun dari Perak mempunyai gendang yang mempunyai persamaan dengan etnik Melayu. Gendang ini diukir dan dibuat daripada kayu yang diapit dengan kulit rusa yang disalut diantara dua bahagian (Anwar Omar Din 2008). Gendang dibuat dengan mengorek sebatang pokok dan menuju pada tiap-tiap penghujung yang telah dilekatkan dengan kulit binatang. Gendang ini dikategorikan di bawah alat membranophone. Istilah ini biasanya digunakan untuk mana-mana jenis gendang yang bersilindir dikenali sebagai membranophone. Gendang ialah satu daripada alat-alat masyarakat Melayu tradisional yang paling

dominan. Gendang Melayu mempunyai pelbagai saiz reka bentuk seperti silinder panjang, bercembung panjang, dan silinder pendek (pendek silinder).

2.4 JENIS GENDANG

Gendang Ibu merupakan yang mempunyai saiz agak besar yang berkepala dua dan berbentuk seperti kendi atau tong dan badannya diperbuat daripada kayu keras seperti pokok Nangka. Instrumen ini terkenal di Negeri Kelantan bagi mengiringi teater tradisional atau adat istiadat dalam Istana dan penggunaannya dalam tarian klasik (Lee Elaine (2006). Semasa dipersembahkan, kedudukan yang betul untuk memegang instrumen ini adalah meletakkan Gendang Ibu ini di atas riba pemain dan memukulnya dengan menggunakan dua belah tangan. Keunikan di dalam berongga kerana bagi memastikan kualiti bunyi yang terbaik. Gendang Ibu adalah berpasangan dengan Gendang Anak untuk bermain dalam irama yang saling membina setiap struktur irama mematuhi disiplin muzik seperti dalam Wayang Kulit, Mak Yong, Menora dan Silat (Bai't Bakar (2010). Dari segi pembuatannya pula, proses yang melibatkan regangan kulit yang lembap dan berbingkaikan rotan, kemudian dilekatkan, dan kemudian diikat bersama dalam bentuk "Y". Ini digunakan sebagai alat penalaan. Proses yang kedua, kulit lembu menjangkau lebih besar dari permukaan gendang. Manakala Kulit Kambing lebih besar atas permukaan yang lebih kecil. Akhir sekali, apabila mengeringkan kulit yang lembap, ia sesuai dalam bingkai rotan. Dalam proses resonan bunyi, Ikat pinggang rotan (juga sebagai item hiasan) mengelilingi Gendang untuk memastikan bahawa ketegangan yang kekal.

2.5 FUNGSI GENDANG

Gendang mempunyai pelbagai fungsi dimana dulu ia digunakan pada majlis khusus untuk bergendang. Sekiranya majlis bergendang diadakan, maka secara langsung gendang akan menjadi alat muzik utama. Gendang merupakan salah satu budaya yang tidak dapat dipisahkan daripada orang-orang Melayu. Menurut Maimunah (1999), menyatakan bahawa waktu bergendang pada majlis perkahwinan akan memainkan peranan penting dalam sosiobudaya orang Melayu. Tidak ada majlis perkahwinan, dan tidak ada perayaan lengkap tanpa 'bergendang'. Ia adalah hiburan untuk semua orang dan ia menambah warna dan semangat pada malam perkahwinan. Kebiasaannya 'bergendang' akan dimainkan pada majlis perkahwinan, majlis khatam al-Quran, majlis mencukur rambut dan majlis berkhatan.

Walau bagaimanapun, kini gendang akan berfungsi apabila persembahan Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat dimainkan bagi kedengaran lebih menarik (Salbia Haji Hassan, 2010). Alat muzik gendang boleh dianggap sebagai medium hiburan kepada masyarakat, selain peranannya sebagai pembentuk hubungan kemesraan dalam masyarakat. Oleh sebab itu, pada hari ini, bergendang tidak lagi dimainkan dalam beberapa majlis keramaian kerana sudah terdapat alternatif lain untuk memberi hiburan kepada masyarakat seperti persembahan Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat.

2.6 MAKSUD PEMELIHARAAN

Merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), akta ini menjelaskan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan kebudayaan tidak ketara agar berada dalam keadaan kekal dan dilindungi sebagai khazanah Negara. Menurut sumber daripada Jabatan

Warisan Negara, bertanggungjawab memelihara dan mengekalkan warisan negara. Makna pemeliharaan mengikut kamus Dewan Edisi Ketiga tahun 2000, ialah pembuatan memelihara, pembelaan dan perawatan. Selain itu, kamus Dewan Edisi terbaru terbitan tahun 1993 menyatakan bahawa pemeliharaan bermaksud pembuatan memelihara, pembelaan, perawatan dan mengamalkan langkah-langkah asas. Di samping itu penjagaan dari segi pengolahan dan penyelenggaraan. Pemeliharaan membawa maksud pembuatan atau hal memelihara, penjagaan, pembelaan (Kamus Pelajar, 2006).

Pemeliharaan dalam kajian ini ialah merujuk kepada pemeliharaan alat muzik gendang yang merupakan salah satu seni budaya warisan yang telah diabaikan dalam masyarakat kita. Oleh itu, pengkaji bertujuan untuk memelihara seni budaya yang kita miliki agar tidak ditelan arus permodenan. Dengan adanya kajian ini, langkah-langkah pemeliharaan seni budaya warisan kita dapat diwarisi dan terpelihara daripada kepupusan (Razali, 2010). Selain itu, kita juga dapat mendalami ilmu mencipta dan memainkan alat muzik gendang ini serta kita dapat tahu betapa pentingnya seni budaya warisan kita ini kepada masyarakat yang akan datang. Bukan itu sahaja, pengkaji juga berpendapat bahawa sekiranya alat muzik gendang ini tidak didedahkan kepada generasi pada hari ini, tidak mustahil seni budaya warisan gendang ini akan pupus ditelan zaman.

2.7 PIHAK BERKEPENTINGAN

Pihak yang berkepentingan merujuk kepada Agensi pelaksana, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Kelantan (JKKN Kelantan), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan komuniti tempatan yang berada di sekitar kawasan itu. Menurut Phillips, Robert (2003), pihak berkepentingan merupakan individu, kumpulan atau organisasi yang mempunyai

kepentingan hak tertentu dalam sebuah organisasi. Pihak berkepentingan terbahagi kepada dua iaitu primer dan sekunder. Pihak berkepentingan primer merupakan orang dalaman yang mempunyai kepentingan langsung dalam organisasi sebagai contoh, pekerja, pembekal dan pelanggan. Pihak berkepentingan sekunder pula orang luaran yang mempunyai kepentingan secara tidak langsung dalam organisasi sebagai contoh kerajaan, media, dan masyarakat. Antara peranan mereka dalam pemeliharaan permainan gendang dengan mengadakan pelbagai persembahan yang melibatkan penggunaan alat muzik seperti Makyong, Silat, Wayang Kulit dan Dikir Barat. Hal ini kerana ianya dapat memberikan impak kepada penonton yang datang dan dapat menarik minat penonton apabila irama gendang dipalu.

2.8 KERANGKA TEORI

Kerangka teori merupakan perkara penting dalam sesebuah kajian kerana ia dapat mengukur sesuatu kajian dengan baik. Walaupun dapatan kajian banyak berpandukan kepada pengetahuan asas sahaja, ianya tidak memadai jika tiada sokongan daripada sesebuah teori. Bagi membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori pendekatan yang berkaitan dengan Stakeholder Theory. Ia menjelaskan tentang pandangan kapitalisme yang menekankan hubungan yang saling berkaitan antara perniagaan dengan pelanggan, pembekal, pekerja, pelabur, komuniti dan pihak lain yang mempunyai kepentingan dalam organisasi. Teori ini berpendapat bahawa firma harus mencipta nilai untuk semua pemegang kepentingan, bukan hanya pemegang saham.

2.8.1 STAKEHOLDER TEORI OLEH R. EDWARD FREEMAN (1984)

Pada tahun 1984, R. Edward Freeman pada asalnya memperincikan Teori Stakeholder mengenai pengurusan organisasi dan etika perniagaan yang menangani moral dan nilai dalam menguruskan organisasi. Teori ini menekankan tentang pihak berkepentingan dalam sebuah organisasi. Pengkaji menggunakan teori ini kerana bersesuaian dengan tajuk kajian yang telah pengkaji pilih iaitu Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pemeliharaan Permainan Gendang di Kampung Gelang Mas Pasir Mas. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti peranan yang dijalankan oleh pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang Kampung Gelang Mas Pasir Mas, Kelantan. Teori ini juga menjelaskan tentang kepentingan sebuah syarikat yang memerlukan kedua-duanya menerangkan dan mengesyorkan kaedah yang boleh diberikan oleh pihak pengurusan untuk memperhatikan kepentingan sesebuah organisasi. Stakeholder theory telah menjadi pertimbangan utama dalam kajian Peranan Pihak Berkepentingan dalam Pemeliharaan Permainan Gendang di Kampung Gelang Mas Pasir Mas telah berfungsi sebagai platform untuk kajian dan pengembangan lebih lanjut dalam penyelidikan pengkaji.

2.9 PENUTUP

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan topik kajian. Keseluruhan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji tentang peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu kebanyakan kajian tentang gendang, pemeliharaan warisan dan pihak berkepentingan. Pengkaji terdahulu hanya membincangkan secara ringkas mengenai kajian berkaitan gendang. Perbezaan

pandangan dan pendapat daripada pengkaji-pengkaji yang lepas membolehkan pengkaji memahami sudut kajian secara lebih menyeluruh. Pengkaji menggunakan Stakeholder Theory bagi menjelaskan tentang pihak berkepentingan. Perkara ini, bertujuan dapat melihat sejauhmana peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang di kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan.



BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ketiga ini pengkaji akan membincangkan tentang kaedah-kaedah yang digunakan seperti huraian kriteria bagi informan dan juga pemilihan kawasan kajian. Kajian metodologi ini digunakan untuk membantu pengkaji mendapat maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Data dan analisis yang dilakukan dapat dihuraikan oleh pengkaji dengan mendalam dan lebih terperinci. Metodologi kajian merupakan teknik dan kaedah dalam mengumpul, menganalisis dan merekabentuk data supaya dapat menghasilkan kajian yang berkualiti. Dalam menghasilkan kajian yang berkualiti, pengkaji mestilah mempunyai bukti yang kukuh bagi menyokong sesuatu kajian untuk dijadikan rumusan yang relevan. Oleh hal demikian, bahagian ini pengkaji akan menjalankan kajian ke atas cara atau kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini serta pengkaji akan menghuraikan beberapa sub-topik kecil iaitu rekabentuk kajian yang akan menerangkan tentang kaedah yang akan digunapakai dalam kajian ini. Selain itu, dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan tentang reka bentuk kajian iaitu kaedah kualitatif. Pengkaji juga akan menerangkan tentang kaedah pengumpulan data iaitu terbahagi kepada tiga bahagian data primer data sekunder dan temu bual. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji akan menerangkan tentang proses kajian, pensampelan, analisis data dan kesimpulan.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian terhadap peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang pengkaji telah memilih pendekatan kajian etnografi. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji bagi mengumpul data dan maklumat. Pendekatan etnografi ini dianggap sebagai satu kajian penyelidikan sosial menurut Sabitha Marican (2006). Ia juga adalah merupakan alat pembelajaran yang berkesan bagi membentuk objektif dalam membuat sesuatu keputusan, kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerjasama dalam satu kumpulan. Pendekatan ini dipilih kerana ia lebih berfokus untuk pengkaji lebih memahami bagaimana pengaplikasian sesuatu konsep untuk menghuraikan peristiwa yang sebenar dalam bahan pengajaran. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji meluangkan masa untuk temubual, dan mendokumentasikan maklumat bagi lebih memahami peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Pengkaji telah memilih pendekatan kajian etnografi. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji bagi mengumpul data dan maklumat. Menurut Muhamad Muda (2003), kajian etnografi bermaksud satu huraian mengenai sesuatu keadaan, dan ia seharusnya telah atau sedang berlaku untuk menjadikan sebagai pengajaran. Ia juga adalah merupakan alat pembelajaran yang berkesan bagi membentuk objektif dalam membuat sesuatu keputusan, kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerjasama dalam satu kumpulan. Pendekatan ini dipilih kerana ia lebih berfokus untuk pengkaji lebih memahami bagaimana pengaplikasian sesuatu konsep yang menghuraikan peristiwa yang sebenar dalam bahan pengajaran. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji meluangkan masa untuk temubual, dan mendokumentasikan maklumat bagi lebih memahami peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan salah satu kaedah kajian yang digunakan bagi menentukan kaedah yang diperlukan dalam proses penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian ialah bertujuan dalam memfokuskan kepada pengumpulan data, analisis dan penulisan tetapi dilakukan dengan menggunakan beberapa proses penyelidikan yang teliti dan terperinci serta sistematik terhadap jenis masalah dan juga isu yang dihadapi oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji mesti menilai serta memilih kaedah kajian yang sesuai dengan kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang bakal digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk kajian etnografi yang memerlukan pendekatan dalam meneroka kajian yang dijalankan dengan menggunakan pelbagai pengumpulan data, temubual, kepelbagaian sumber informasi dan kes yang bakal terjadi.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan cara bagi pengkaji mengumpul dan menganalisis data bagi melengkapkan sesuatu kajian yang dijalankan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menyelesaikan tugas yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temubual, dan tinjauan kajian. Kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang betul dan relevan. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu internet, perpustakaan dan dokumen.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam analisis data, iaitu kaedah pemerhatian serta temubual. Pengkaji telah mencapai objektif kajian yang dilakukan menerusi kaedah temubual yang telah dijalankan. Lapan orang informan telah ditemubual oleh pengkaji

terdiri daripada penduduk Kampung Gelang Mas dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Kesemua persoalan yang berkaitan dengan kajian ini telah dijawab oleh semua informan yang dipilih.

Antara persoalan yang ditanya ialah mengenai kepentingan pemeliharaan gendang kepada generasi muda, siapakah pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting, dan usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara gendang. Disamping itu, maklumat juga turut diperolehi menerusi kajian kepustakaan iaitu buku, artikel, keratan akhbar dan jurnal telah dianalisis pengkaji untuk mengetahui lebih banyak berkaitan dengan peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang.

3.3.1 KAEDAH KUALITATIF

Menurut Bogdan dan Taylor (1984), sumber data kualitatif adalah berbentuk deskripsi yang didapati melalui ucapan lisan dan catatan daripada apa yang diperhatikan. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih terperinci bagi mendapatkan sesuatu data atau maklumat. Kaedah ini merupakan kaedah yang lebih tepat kerana lebih menfokuskan kepada sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci. Dengan kaedah kualitatif ini, pengkaji perlu membuat kerja lapangan seperti membuat pemerhatian, tinjauan dan temu bual. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang paling tepat untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji akan membuat temu janji dengan pembuat alat muzik gendang untuk mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian kepada mereka dan untuk mendapatkan informan-informan lain yang dicadangkan oleh beliau. Oleh itu, kaedah ini adalah kaedah paling berkesan untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan padat mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Kaedah temubual ini juga melibatkan proses pemerhatian dan dapat menganalisis tentang kajian tersebut.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi memperolehi maklumat atau data yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan yang dilakukan. Melalui penelitian, kaedah pengumpulan data merupakan satu elemen yang sangat penting untuk mendapatkan hasil melalui penelitian secara terperinci yang meliputi beberapa jenis sumber data yang telah dan akan di perolehi sama ada maklumat yang diperolehi sumber secara langsung mahupun tidak langsung.

Sumber maklumat data terbahagi kepada dua iaitu data primer, dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperolehi secara asal oleh individu yang mengalami dan melalui masa dan juga secara bersemuka dengan rasmi mahupun tidak rasmi. Manakala data sekunder diperolehi daripada beberapa kaedah kedua yang diperolehi seperti kajian perpustakaan, kajian lapangan dan juga kajian teori berserta dengan rujukan daripada dokumen-dokumen hasil daripada kajian lepas.

3.4.1 DATA PRIMER

Menurut Yusuf (2003) pengumpulan data primer merupakan salah satu sumber asli yang digabungkan dan dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data primer dan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data primer ialah pemerhatian dan temubual. Pemerhatian ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk melakukan pemerhatian atau tinjauan ke lokasi kajian iaitu ke rumah pembuat alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Kaedah ini akan membantu pengkaji untuk melihat apa yang berlaku di lokasi kajian dan mendapatkan maklumat secara langsung dari lokasi kajian. Kaedah temubual merupakan cara yang digunakan untuk menemubual informan tersebut

bagi mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian. Pengkaji akan menemubual pembuat gendang dan informan-informan yang dipilih. Kaedah ini merupakan salah satu alat pengukur yang sesuai dijalankan bagi kajian penyelidikan melalui tinjauan.

3.4.1.1 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk memerhati di sekitar kawasan kajian. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain daripada soal selidik. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan maklumat-maklumat yang telah dikenal pasti. Peranan pengkaji ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian kerana kaedah ini amat sesuai untuk menambahkan lagi maklumat tentang kajian. Kaedah ini sangat berkesan kerana pengkaji dapat melihat apa yang telah berlaku sekitar kawasan kajian.

Pengkaji menjalankan kaedah pemerhatian bermula dari awal kajian dijalankan sehingga akhir kajian bagi mendapatkan maklumat yang lengkap berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Kajian ini dijalankan dengan membuat pemerhatian di kajian lapangan iaitu di rumah pembuat alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan iaitu Hamzah Yusoff (Pok Joh). Melalui proses pemerhatian, pengkaji juga mencatatkan maklumat dan mengambil gambar yang diperlukan sebagai rujukan tambahan serta bukti.

3.4.1.2 TEMU BUAL

Kaedah temu bual pula merupakan kaedah yang lebih kotemporari kerana lebih bersikap personal dan boleh mewujudkan hubungan yang lebih baik antara pengkaji atau penemu bual dengan informan yang ditemu ramah. Kaedah ini lebih fleksibel dan lebih menyenangkan informan kerana informan tidak terikat dengan banyak peraturan dan pengkaji sebagai penemu bual juga boleh bertanyakan soalan yang sama berulang kali menggunakan pendekatan yang berbeza jika soalan yang diberikan tidak dijawab dengan sempurna oleh informan. Kaedah ini merupakan kaedah dalam kelas sumber primer kerana maklumat diambil secara langsung pada informan di kawasan kajian. Sebelum menjalankan kajian melalui kaedah ini, pengkaji mencari dan mengenal pasti informan serta menyediakan skrip dan soalan temu bual untuk ditanyakan kepada informan. Pengkaji telah memilih lokasi yang bersesuaian dan menyatakan tujuan pengkaji, serta menerangkan format temu bual kepada informan sebelum proses kajian ini dijalankan.

Temubual merupakan kaedah yang paling penting dalam mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Temubual yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk memastikan segala objektif kajian yang dijalankan sudah tercapai. Pengkaji menjalankan kaedah temubual dengan penduduk Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan dan juga pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan alat muzik gendang.

3.4.1.3 ANALISIS MAKLUMAT DEMOGRAFI

Pengkaji telah mendapatkan lapan orang informan untuk menjawab persoalan yang diajukan oleh pengkaji semasa sesi temu bual secara bersemuka dan atas talian iaitu menerusi panggilan telefon kepada pihak informan berdasarkan objektif kajian pertama sehingga objektif kajian ketiga. Objektif kajian pertama ialah mengenalpasti kepentingan pemeliharaan permainan

alat muzik gendang kepada generasi muda. Seterusnya melibatkan objektif kajian kedua iaitu mengkaji pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang. Akhir sekali, objektif kajian yang ketiga adalah berkaitan dengan menganalisis usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang. Pengkaji telah mendapatkan informan yang terdiri daripada empat orang penduduk di Kampung Gelang Mas dan empat orang pihak berkepentingan daripada NGO iaitu Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan (PESIBAN) serta Geng Wak Long manakala pengkaji juga menemubual pihak berkepentingan iaitu orang muzium dan guru sebuah sekolah di Pasir Mas. Hasil maklumat yang diperolehi telah dikumpulkan dan dirumuskan oleh pengkaji.

3.4.1.4 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menemubual tiga orang informan secara atas talian melalui panggilan telefon dan lima informan melalui bersemuka. Untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas berkenaan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemeliharaan Permainan “Gendang” Tradisional Di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Pengkaji telah berjaya mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian melalui hasil temubual yang telah dijalankan. Temubual yang dijalankan kepada informan adalah mengikut skop-skop soalan yang telah disediakan berdasarkan kajian pengkaji dan soalan tersebut juga dijawab oleh informan berdasarkan soalan yang ditanya. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui informan-informan dimana mereka yang tinggal di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan.

Informan yang pertama telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Hamzah bin. Yusoff atau lebih dikenali sebagai Pok Joh. Temubual telah dijalankan secara bersemuka di kediaman Encik Hamzah bin Yusoff di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan pada jam 0900 pagi pada

hari Rabu bertarikh 29 September 2021. Beliau berumur 69 tahun dan merupakan petani serta dalam masa yang sama beliau merupakan pembuat alat muzik tradisional. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat sekolah rendah. Beliau telah menceburi bakat dalam bidang alat muzik tradisional ketika berumur 10 tahun lagi dan lebih kurang pengalaman 59 tahun dalam bidang alat muzik tradisional. Melalui temubual tersebut pengkaji dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan alat muzik gendang yang beliau ceburi. Selain itu, pengkaji juga mendapat informan-informan yang lain untuk ditemubual melalui Encik Hamzah.

Informan kedua yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Muhamad Zaki yang lebih dikenali sebagai Abang Ki. Temubual telah dijalankan secara bersemuka di kediaman Encik Hamzah bin Yusoff di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan pada jam 10.00 pagi pada hari Rabu bertarikh 29 September 2021. Beliau merupakan seorang peniaga di sebuah kedai runcit di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Beliau berumur 30 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Sekolah Menengah. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda.

Informan ketiga yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Kamzi bin Hamzah yang lebih dikenali sebagai Cikgu Ji. Temubual telah dijalankan secara atas talian menerusi panggilan telefon disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada masa kini. Beliau merupakan seorang guru di sebuah sekolah di Pasir Mas. Beliau berumur 51 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat ijazah sarjana. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan siapakah pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang.

Informan keempat yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Hafiz bin Omar. Temubual telah dijalankan secara bersemuka di kediaman Encik Hafiz di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan pada jam 10.00 pagi pada hari jumaat bertarikh 1 Oktober 2021. Beliau merupakan seorang peniaga dan merupakan salah seorang daripada Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan. Beliau berumur 45 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Diploma. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang.

Informan kelima yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Mohammad Zuraidi yang lebih dikenali sebagai Abang Edy. Temubual telah dijalankan secara atas talian menerusi panggilan telefon disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada masa kini. Beliau merupakan seorang peniaga dan merupakan salah seorang daripada Geng Wak Long. Beliau berumur 35 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Diploma. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang.

Informan keenam yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Encik Sabki bin Ibrahim. Temubual telah dijalankan secara atas talian menerusi panggilan telefon disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada masa kini. Beliau merupakan Ketua Pembantu Muzium di Muzium Negeri Kelantan dan merangkap penyelia kepada Muzium Diraja Kelantan. Beliau berumur 51 tahun dan berasal dari Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dijalankan adalah untuk

mendapatkan maklumat berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang.

Informan ketujuh yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Afiq Zakwan bin Aziz. Temubual telah dijalankan secara bersemuka di satu karnival yang diadakan di Perkarangan Pejabat Kada Jajahan Pasir Mas pada jam 10.00 pagi pada hari Sabtu bertarikh 12 Februari 2022. Beliau merupakan seorang pelajar di sebuah Politeknik Kok Lanas dan merupakan seorang yang sentiasa mengikut anjuran karnival untuk memainkan alat muzik. Beliau berumur 21 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Diploma. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda.

Informan kelapan yang telah ditemubual oleh pengkaji ialah Ahmad Baihaqi bin Roslan. Temubual telah dijalankan secara bersemuka di satu karnival yang diadakan di Perkarangan Pejabat Kada Jajahan Pasir Mas pada jam 11.00 pagi pada hari Sabtu bertarikh 12 Februari 2022. Beliau merupakan seorang pekerja di sebuah restoran di Kota Bharu dan merupakan seorang yang sentiasa mengikut anjuran karnival untuk memainkan alat muzik. Beliau berumur 24 tahun dan berasal dari Kampung Gelang Mas. Taraf pendidikan beliau adalah tamat pengajian peringkat Sekolah Menengah. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda.

SOALAN	INFORMAN 1	INFORMAN 2	INFORMAN 3	INFORMAN 4
Nama	Hamzah Yusoff	Muhamad Zaki	Kamzi Hamzah	Hafiz Omar
Umur	69 Tahun	30 Tahun	51 Tahun	45 Tahun
Status Sosial	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin
Taraf Pendidikan	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Degree	Diploma
Pekerjaan	Petani	Berniaga	Guru	Berniaga

Jadual 3.0: Latar Belakang Informan Kajian

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

SOALAN	INFORMAN 5	INFORMAN 6	INFORMAN 7	INFORMAN 8
Nama	Mohammad Zuraidi	Sabki Ibrahim	Afiq Zakwan	Ahmad Baihaqi
Umur	35 Tahun	51 Tahun	21 Tahun	24 Tahun
Status Sosial	Berkahwin	Berkahwin	Bujang	Bujang
Taraf Pendidikan	Diploma	Diploma	Diploma	Sekolah Menengah
Pekerjaan	Berniaga	Penyelia Muzium	Pelajar	Pekerja restoran

Jadual 3.1: Latar Belakang Informan Kajian

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

3.4.2 DATA SEKUNDER

Menurut Marican (2005), data sekunder merupakan kaedah mengumpul data menggunakan rujukan daripada pengkaji lain. Kaedah ini menggunakan buku, perpustakaan, jurnal, artikel dan laman sesawang sebagai rujukan tambahan untuk melengkapkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kaedah perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari sumber ilmiah daripada perpustakaan untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat melalui buku-buku dan beberapa sumber yang lain bagi memenuhi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Selain itu, buku juga merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk merujuk buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Di samping itu, pengkaji juga dapat merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Dalam rujukan ini, pengkaji menggunakan laman web untuk mencari maklumat mengenai tempat atau lokasi kajian dan menambah maklumat dalam kajian yang digunakan oleh pengkaji.

3.4.2.1 PERPUSTAKAAN

Kajian perpustakaan adalah salah satu instrumen yang digunakan untuk rujukan buku. Pengkaji melakukan penelitian ke atas buku-buku yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Kaedah yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah kaedah yang utama bagi mendapatkan beberapa maklumat mengenai pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Melalui kaedah rujukan buku ini, pengkaji dapat menambahkan pengetahuan yang lebih luas berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Kajian perpustakaan merupakan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Kaedah ini memberikan maklumat mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

3.4.2.2 LAMAN SESAWANG

Pengkaji telah merujuk laman sesawang untuk mendapatkan beberapa maklumat dan data tambahan yang boleh digunakan untuk membantu pengkaji menyiapkan kajian yang dijalankan. Kaedah internet merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat di atas talian. Melalui kaedah ini, pengkaji telah merujuk artikel-artikel yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.


3.5 PERSAMPELAN DATA

Persampelan data ialah proses dalam memilih sebilangan subjek atau perkara daripada suatu perkara daripada suatu populasi untuk dijadikan sebagai informan dalam kajian ini dan pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam persampelan data. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik *Snowball* yang mengfokuskan kepada pengkaji untuk mencari data daripada orang sumber yang ingin ditemu bual untuk mendapatkan maklumat. Maka dengan teknik *Snowball* data akan ditemui adalah melalui pelbagai cadangan daripada orang sumber yang mempunyai ilmu untuk mencari maklumat dan data. Oleh itu, melalui teknik ini orang sumber akan mencadangkan orang sumber seterusnya yang dapat berkongsi maklumat terhadap data bagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji telah menjumpai orang sumber melalui media sosial facebook iaitu orang yang membuat gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Setelah pengkaji menjumpai laman media sosial facebook pembuat gendang, pengkaji

menghubungi dan menemui beliau untuk temubual. Beliau juga mencadangkan informan-informan yang boleh ditemu bual untuk mendapatkan maklumat tentang alat muzik tradisional gendang. Setelah itu, pengkaji telah mendapat lapan orang informan untuk temubual serta mendapat maklumat sehingga menjawab objektif kajian pengkaji.

3.6 ANALISIS DATA

Bab ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan data yang diperolehi di kajian lapangan dan pemerhatian yang dijalankan. Analisis data didefinisikan sebagai proses pembersihan, transformasi, dan pemodelan data untuk menemukan informasi yang berguna untuk membuat keputusan perniagaan. Tujuan Analisis data adalah untuk mengekstrak maklumat yang berguna dari data dan mengambil keputusan berdasarkan analisis data (Krishna Rungta, 2020). Melalui penggunaan analisis data yang digunakan pengkaji telah menggunakan dua kaedah dalam kualitatif iaitu melalui tinjauan dan juga temu bual.



Rajah 3.0: Carta Alir Proses Analisis Data

Sumber: Krishna Rungta, 2020

Proses analisis data adalah penting dalam proses kajian tindakan kerana ia melibatkan satu prosedur yang sistematik dan berterusan. Terutamanya, bagi menyediakan asas untuk makna kepada data tersebut. Bagi menganalisis data yang diperoleh daripada kajian ini, langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan proses transkripsi iaitu pengalihan rakaman audio kepada teks. Proses ini dijalankan supaya dapat memudahkan pengkaji untuk menukarkan suara rakaman kepada bentuk penulisan yang lebih berkualiti dan tersusun di dalam kajian ini. Proses analisis data ini merupakan satu proses meringkas, merumus dan mempersembahkan data yang telah dikumpul dalam cara yang tepat. Rajah di atas menunjukkan proses analisis data. Proses ini dijalankan supaya dapat memudahkan pengkaji untuk menukarkan bentuk data kepada penulisan yang lebih berkualiti dan tersusun di dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji akan membaca serta meneliti semula hasil-hasil penulisan berasaskan sumber-sumber pengumpulan maklumat tersebut untuk memastikan tahap kerelevanan dan kesinambungan maklumat dalam kajian peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang. Pembacaan semula maklumat adalah penting untuk memastikan tiada kesalahan atau ketidakjelasan pernyataan maklumat kajian. Langkah terakhir dalam proses analisis data ialah melakukan proses 'triangulasi' terhadap gabungan sumber data, tenaga pengkaji, teori yang digunakan dan teknik-teknik metodologi kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Kepelbagaian data daripada pelbagai sumber dari internet, akhbar, buku, jurnal dan sebagainya telah digabungkan untuk menjadi maklumat yang lengkap.

Oleh itu, setiap maklumat tersebut akan mempengaruhi keputusan akhir kajian sama ada ia mencapai objektif yang digariskan mahupun tidak. Keputusan akhir kajian yang terbaik dan mencapai sasaran merupakan impian bagi setiap pengkaji kerana ianya menunjukkan bahawa

tenaga yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak sia-sia dan wujudnya perasaan gembira terhadap kajian yang dijalankan.

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, warisan alat muzik gendang ini seharusnya dipelihara dan dipulihara oleh ramai pihak. Hal ini kerana, warisan alat muzik gendang ini amat penting kerana ia mampu bersaing dengan hiburan masa kini sehingga ke persada antarabangsa. Warisan seni alat muzik gendang ini seharusnya dititikberatkan dalam kehidupan seharian supaya warisan seni hiburan ini mampu berkembang dengan aktif seperti di zaman dahulu kala dan juga dapat diwarisi kepada masyarakat akan datang.

BAB 4: ANALISIS KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan dan menganalisis kajian yang dilakukan dengan membincangkan objektif dan persoalan kajian. Analisis menurut Komaruddin (2001) ialah kegiatan berfikir bagi menghuraikan sesuatu keseluruhan menjadi komponen sehingga dapat mengenal tanda-tanda komponen, hubungannya satu sama lain dan fungsi dalam satu keseluruhan yang padu. Beberapa kaedah telah dilakukan dalam menjalankan kajian ini bagi memastikan objektif tercapai. Hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah pemerhatian dan temubual. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Hal ini kerana pengkaji berpandangan bahawa kaedah kualitatif lebih efektif dan maklumat yang diperolehi juga lebih tepat. Di samping itu, dapat berinteraksi secara dua hala antara pengkaji dengan informan secara langsung. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih terperinci bagi mendapatkan sesuatu data atau maklumat. Kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi pengkaji kerana lebih menfokuskan kepada sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci. Selain itu, pengkaji akan menerangkan tentang data yang telah diperolehi semasa menjalankan kajian di kawasan lapangan iaitu di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Walaubagaimanapun, kaedah kepustakaan turut digunakan bagi memperolehi data yang lebih banyak untuk menyokong kajian ini.

4.1 KEPENTINGAN PEMELIHARAAN PERMAINAN ALAT MUZIK GENDANG KEPADA GENERASI MUDA.

Warisan kebudayaan permainan alat muzik gendang ini mempunyai sejarah yang tersendiri dimana terdapat keistimewaan serta keunikan warisan tersebut bagi masyarakat khususnya penduduk di Kampung Gelang Mas ini. Melalui hasil temubual yang dijalankan bersama informan-informan yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Gelang Mas pengkaji telah mendapat pencerahan tentang kewujudan dan kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda. Menurut informan yang pertama iaitu Encik Hamzah bin Yusoff, pemeliharaan alat muzik gendang amat penting kepada generasi muda kerana mereka merupakan pewaris yang akan meneruskan warisan kebudayaan yang sangat unik iaitu permainan alat muzik gendang. Generasi muda kini juga akan memperkenalkan alat muzik gendang ini kepada generasi akan datang.

Menurut Pok Joh la, kepentingan menjaga dan memelihara alat muzik amat penting tidak kira samaada gendang ko rebana ko semua jenis alat muzik penting kerana itu merupakan identiti dan kebudayaan rakyat Kelantan.... emmm Pok Joh pon dari umur 10 tahun lagi minat kepada alat muzik kerana kita mmepunyai darah kebudayaan hok nenek moyang kita dulu lagi Aaaa ...budok-budok kampung ni pon kebanyakan tepuk jah gendang demo pakat mari selaluh demo minat sejak dulu lagi mugo demo beso doh duk tengok Pok Joh main gendang.... sebahtu lah Pok Joh dapat buat group anak-anak muda nih...Pok Joh sendiri pon kata (menolog sendiri semasa membuat gendang) alah-alah mano aku keno turun ilmu aku ko anak cucu aku...

(I1, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Melalui pernyataan yang diberikan oleh informan pertama ini, pengkaji amat setuju dengan yang dikatakan bahawa kepentingan menjaga dan memelihara alat muzik amat penting kepada

generasi muda. Hal ini kerana, generasi muda merupakan pelapis yang akan mewarisi warisan kebudayaan terutama alat muzik gendang. Oleh hal demikian, Kelantan sememangnya kaya dengan warisan kebudayaan sejak dahulu lagi. Ia juga dapat melambangkan identiti masyarakat Kelantan yang terlalu taksud dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan peninggalan nenek moyang masyarakat Kelantan sejak dahulu lagi. Tambahan lagi, Hassan Ahmad (2006) pula berpendapat, tradisi tidak mengira zaman apa mahupun pada zaman ini, proses penciptaan budaya mestilah sambung-menyambung kepada generasi baru.

Kalu abe ki la abe ki kato molek puok-puok generasi baru ni la penyambung mugo pahni takda orang dah nak menyambung legasi Pok Joh...aaa...Pok Joh la ore paling lama dalam bidang alat muzik ni...lepastu tambah-tambah plok meme budok kampung ni minat sungguh bab-bab goni...ikut orang panggil gi belako tanding...pete-pete gak Pok Joh ajok la g rumoh dy pakat duk tumah situ...mugo gendang ini nok ko bunyi sedak...baru naik sihh semasa kita tepuk tu...

(I2, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Kalu kepentingan alat muzik ko kito,,kita dapat mengisi masa lapang dengan bendo ado faedah,,bukan semua dapat main goni kalua kita takcuba,,anak muda loni kebanyakan main telipon jah kak,,kito kok kampung ni jah hok duk main sokmo-sokmo,,bagi kito tu la salah satu kepentingan alat muzik kepada anak muda

(I8, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Manakala menurut informan yang kedua pula iaitu Encik Muhamad Zaki mengatakan bahawa sememangnya generasi muda yang seharusnya mengambil alih tentang permainan alat muzik gendang kerana mereka merupakan menyambung legasi. Pada pandangan informan kedua, ia juga menyatakan bahawa generasi muda di Kampung Gelang Mas sememangnya minat dengan seni kebudayaan kerana ia dapat mengisi masa lapang mereka. Kepentingan pemeliharaan alat

muzik gendang amat-amat diperlukan kerana ia adalah salah satu fungsi dan bunyi yang terpenting terutamanya dalam persembahan dikir barat dan sebagainya. Hal ini juga disokong oleh informan kelapan iaitu Ahmad Baihaqi menyatakan bahawa kepentingan alat muzik gendang kepada generasi muda dapat mengisi masa lapang. Beliau juga turut meluangkan masa dengan memainkan alat muzik gendang sehingga beliau dipanggil untuk menunjukkan persembahan di sesebuah karnival yang mempunyai persembahan dikir barat atau sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa, memainkan alat muzik gendang mestilah mempunyai bakat. Sekiranya kita tidak mahu belajar dalam bidang alat muzik gendang sampai bila kita akan ketinggalan zaman dan tidak dapat mewarisi warisan kebudayaan yang nenek moyang kita miliki.

Yang paling digemari dalam memainkan alat muzik tradisional ia memerlukan ramai orang untuk menjadikan satu persembahan yang lengkap..ia memerlukan kerjasama antara satu sama lain..kalau sekadar gendang jah ado..menjadi tidak lengkap untuk menghasilkan bunyi yang sedap..dengan adanya gedung alat muzik Pok Joh ni kita dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan orang kampung tak kira muda tua...

(I7, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Selain itu, menurut informan ketujuh iaitu Afiq Zakwan mengatakan bahawa kepentingan alat muzik gendang kepada generasi muda ialah mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Dengan memainkan alat muzik tradisional ini, masyarakat dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kerana mereka memerlukan kerjasama dalam memainkan gendang agar kedengaran lebih indah dan serta merta dapat menarik perhatian masyarakat. Gendang mempunyai keunikan bentuk dan bunyi yang tersendiri. Keunikan gendang bukan sekadar

paluannya dan bunyi-bunyian sahaja malah gendang juga boleh menonjolkan identiti, budaya, adat dan warisan bangsa serta sejarah asal-usul kepada masyarakat kita.

4.2 PIHAK BERKEPENTINGAN YANG TERLIBAT DALAM PEMELIHARAAN PERMAINAN ALAT MUZIK GENDANG

Pihak berkepentingan merupakan individu, kumpulan atau organisasi yang mempunyai kepentingan hak tertentu dalam sebuah organisasi. Kajian mengenai peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang ini dapat membantu pengkaji mendapat maklumat tentang bagaimana pihak berkepentingan ini memainkan peranan dalam menarik minat generasi muda untuk meneruskan warisan budaya ini. Berdasarkan temubual pengkaji bersama tiga orang informan iaitu Encik Hamzah Yusoff, Encik Hafiz Omar, dan Encik Mohammad Zuraidi berpendapat bahawa terdapat ramai pihak yang berkepentingan memainkan peranan penting dalam usaha memelihara alat muzik gendang.

Menurut Pok Joh...ramai jah pihak atasan hok turun mari untuk buat persembahan ko gapo...Ore muzium mari..., ore hok puok geng wok long,..mugo sini pakat tumpu seni budaya kita...aaa..haritu ada tempahan sebanyak dua puluh gendang untuk acara kebudayaan...Pok Joh g cari nuh nga saeng-saeng hok pakat wak alat muzik nih...lepas tu plok mugo ni musim covid...payoh la sikik nk cari kulit lembu gapo ni...Pok Joh g beli bachok untuk ajar puok-puok ni buat gendang...

(I1, Temubual Kajian Lapangan, 29 September 2021)

Melalui pernyataan yang diberikan oleh informan pertama ini, terdapat ramai yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara alat muzik gendang. Antara yang memainkan peranan adalah pihak sekolah, pihak muzium, geng wak long dan Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan. Ini merupakan pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas.

Berdasarkan pendekatan teori yang pengkaji gunakan iaitu pendekatan teori yang berkaitan stakeholders' theory. Teori ini menekankan tentang pihak berkepentingan dalam sebuah organisasi. Pengkaji telah mengenalpasti peranan yang dijalankan oleh pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan gendang Kampung Gelang Mas Pasir Mas, Kelantan. Oleh itu, informan pertama telah menjawab objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Pihak pengurusan membawa maksud kumpulan atau syarikat yang bertanggungjawab dalam menguruskan sesuatu acara ianya juga merujuk kepada organisasi. Menurut Ivancevich (1990) pengurusan membawa maksud proses yang dilaksanakan oleh kombinasi diantara manusia, teknologi, kreativiti ataupun kemahiran bekerja serta sumber-sumber lain dengan bermatlamatkan pencapaian tahap penorganisasian yang paling berkesan.

Kito ore Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan meme cari la ore kuat supo Pok Joh ni...mugo ni warisan hok kita ada..kita kena jago molek bia generasi baru tahu kewujudan keunikan di negeri kita...ado pertandingan ko..ado persembahan ko..meme kita keno main peranan lah...kalu buke puok kita hok nok ambik caro..sapo lagi ...

(I4, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan, pengkaji mendapati pihak yang sentiasa memainkan peranan penting adalah pihak NGO iaitu Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan. Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan menyatakan bahawa, mereka sememangnya memainkan peranan penting kerana mereka bertanggungjawab dalam mewarisi alat muzik gendang dan seharusnya pihak mereka menitikberatkan mengenai pemeliharaan alat muzik gendang.

Kalu adik nak tahu...meme ramai lah hok pihak berkepentingan main peranan dalam bab-bab alat muzik ni...mugo Kelantan merupakan tempat gedung budaya...serupo Pok Joh royak ko adik.... Geng Wok Long ni salah satu pihak hok sokmo ado kalua ado gapo

(I5, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan, pengkaji mendapati pihak yang sentiasa memainkan peranan penting adalah pihak NGO iaitu Geng Wak Long. Geng Wak Long merupakan kumpulan yang mengambil berat tentang alat muzik gendang seluruh Malaysia dan antara salah satu tempat ialah Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Dengan adanya pihak berkepentingan ini, langkah-langkah pemeliharaan seni budaya warisan kita dapat diwarisi dan terpelihara daripada kepupusan (Razali, 2010).

4.3 USAHA YANG DILAKUKAN OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MEMELIHARA PERMAINAN ALAT MUZIK GENDANG

Melalui pernyataan yang diberikan oleh informan, pengkaji telah menganalisis usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Pengkaji telah mendapat tahu ada beberapa usaha yang dijalankan oleh pihak berkepentingan untuk memartabatkan permainan alat muzik ini terpelihara. Oleh itu pengkaji telah menemubual tiga orang informan iaitu Encik Hamzah Yusoff, Encik Hafiz Omar, Encik Mohammad Zuraidi, Encik Kamzi Hamzah dan Encik Sabki Ibrahim yang merupakan pihak yang berkepentingan dalam menjaga alat muzik tradisional.

“Menurut Pok Joh, kalu dulu macam-macam buat ni ...tak kira pagi siang malam..ada jah program hok buat untuk tarik anak muda main dikir ko silat

ko..macam-macam...tapi sekat-sekat covid ni...demo buat dengan buat live...PokJoh buat live gano caro nok buat gendang..gano nok bui dengar sedak bunyi gendang tu...nanti 6/11/2021 ada program Adiguru Hamzah Yusoff... tu salah satu program hok dijadikan sebagai usoho pihak atasan untuk memartabatkan seni warisan”

(I1, Temubual Kajian Lapangan, 2021)

Melalui pernyataan yang diberikan oleh informan pertama ini, beliau menyatakan bahawa terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memainkan pemeliharaan alat muzik gendang. Antara yang dilakukan oleh pihak berkepentingan ialah mengadakan platform cara-cara pembuatan gendang. Pembuat alat muzik telah mengadakan siaran secara langsung dalam media sosial facebook beliau untuk mengajar dan memberi pendedahan tentang cara-cara membuat gendang serta menceritakan keunikan bunyi gendang tersebut. Beliau juga mengatakan bahawa itu adalah usaha daripada pihak berkepentingan untuk menarik minat generasi muda terutamanya.

Selain itu, usaha yang kedua dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang ialah mengadakan kegiatan kokurikulum yang berkaitan dengan alat muzik tradisional di sekolah. Dengan adanya kokurikulum mengenai alat muzik tradisional di sekolah, pihak sekolah dapat mengadakan pertandingan dari segi pembuatan, memainkan dan sebagainya. Bukan sahaja mengadakan pertandingan, tetapi alat muzik gendang ini perlulah mendedahkan mengenai keunikan di sekolah supaya mampu memupuk minat dalam jiwa pelajar untuk menunjukkan bakat yang terpendam. Hal ini bertujuan untuk memastikan pelajar di sekolah akan menyertai pertandingan alat muzik tradisional di sekolah terutama permainan gendang.

Di samping itu, usaha yang ketiga dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang ialah mengadakan pameran di muzium. Pihak muzium telah memainkan peranan dalam mempamerkan alat muzik gendang di muzium untuk mendedahkan mengenai warisan kebudayaan alat muzik ini kepada masyarakat. Ibu bapa mestilah memainkan peranan dengan membawa anak ke muzium untuk melihat sejarah warisan yang kita miliki sejak dahulu lagi. Dengan mengadakan pameran ini, generasi baharu terutamanya mengetahui tentang alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia terutama Kelantan.



BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini secara keseluruhannya, membincangkan tentang kesimpulan dan cadangan kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji akan menerangkan secara terperinci lagi tentang kesimpulan dan cadangan kajian mengikut data dan maklumat yang telah diperoleh melalui pelbagai sumber. Pengkaji akan membuat kesimpulan ini berdasarkan maklumat yang diperoleh yang merangkumi penjelasan terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Disamping itu, cadangan yang akan dikemukakan oleh pengkaji hasil dari kajian yang telah dijalankan. Seterusnya, pengkaji juga akan memberi cadangan kepada pengkaji yang akan datang untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan memberi peluang kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam lagi mengenai kajian ini.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif iaitu mengenalpasti kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda, mengkaji pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang dan menganalisis usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang. Walaupun negara kita berhadapan dengan pandemik Covid-19 namun tidak menjadi penghalang untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan memenuhi objektif yang telah digariskan. Objektif kajian tersebut telah dilaksanakan melalui hasil kajian seperti yang telah dinyatakan di bab empat.

Hasil kajian bagi objektif yang pertama, pengkaji telah mengenalpasti kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang kepada generasi muda di Kampung Gelang Mas. Bagi menjawab objektif kajian pertama pengkaji telah mengadakan temubual secara bersemuka dengan informan pertama iaitu Encik Hamzah bin Yusoff dan secara atas talian dengan informan dua dan tiga iaitu Encik Muhamad Zaki dan Encik Kamzi Hamzah. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji, negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan gedung budaya. Oleh hal yang demikian, kepentingan pemeliharaan permainan alat muzik gendang amat penting kepada generasi muda kerana ia merupakan khazanah warisan budaya yang akan diteruskan oleh generasi seterusnya.

Seterusnya, bagi objektif yang kedua pengkaji telah mengkaji pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang. Bagi menjawab objektif kajian kedua pengkaji telah mengadakan temubual secara bersemuka dengan informan pertama iaitu Encik Hamzah bin Yusoff dan secara atas talian dengan informan empat dan lima iaitu Encik Hafiz Omar dan Encik Mohammad Zuraidi. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji, terdapat ramai pihak yang berkepentingan memainkan peranan dalam memartabatkan warisan budaya yang kita miliki. Antara pihak yang sentiasa bersama dengan adiguru iaitu Encik Hamzah bin Yusoff ialah Geng Wak Long dan Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan merupakan NGO yang memainkan peranan penting dalam menyambung pewaris warisan kebudayaan Kelantan.

Menganalisis usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang merupakan objektif yang ketiga bagi pengkaji yang dijalankan di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Bagi menjawab objektif ini penyelidik telah mengadakan temubual secara bersemuka dengan informan pertama iaitu Encik Hamzah bin Yusoff dan secara atas talian dengan informan empat dan lima iaitu Encik Hafiz Omar dan Encik

Mohammad Zuraidi. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan seperti mengadakan seminar cara pembuatan alat muzik gendang kepada pelajar mahasiswa dan mahasiswi di univerti awam. Hal ini merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh pihak berkepentingan untuk memartabatkan alat muzik.

5.2 CADANGAN KAJIAN

Bahagian cadangan ini merupakan bahagian untuk pengkaji mengemukakan cadangan yang dinyatakan dalam permasalahan kajian iaitu kebanyakan generasi muda kini kurang mengetahui akan kewujudan alat muzik tradisi ini yang mempunyai keunikan dan mempunyai nilai yang tinggi. Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan mencadangkan idea-idea dan pendapat untuk rujukan oleh pengkaji lain pada masa hadapan untuk meningkatkan dan menarik perhatian generasi muda agar cintakan warisan budaya yang kita miliki. Disamping itu, cadangan yang dikemukakan ini berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran generasi muda bahawa khazanah warisan budaya ini amat penting dan pihak berkepentingan memainkan peranan. Antaranya cadangan yang dikemukakan ialah:

5.2.1 CADANGAN MEWUJUDKAN PENUBUHAN KELAB MUZIK DI PERINGKAT SEKOLAH

Pihak sekolah mestilah memainkan peranan dalam memupuk semangat dalam bidang memainkan alat muzik tradisional di peringkat sekolah lagi. Hal ini dapat pelajar menunjukkan bakat dalam persembahan alat muzik tradisional. Bukan itu sahaja, pelajar juga dapat menarik perhatian untuk mengikuti kelas alat muzik untuk memenuhi minat yang terpendam dan secara

tidak langsung akan mendedahkannya kepada generasi muda tentang keunikan warisan budaya yang kita miliki sejak dahulu lagi. Seperti sedia maklum, generasi muda kini lebih terdedah dengan teknologi moden. Permainan moden sekarang semakin membuat generasi muda melupakan permainan tradisi, perkara ini tidak dapat disangka kerana kepesatan teknologi yang berkembang sedikit sebanyak memberi kesan kepada golongan muda. Oleh hal demikian, pihak sekolah amat berperanan dalam menarik minat generasi muda terutama pelajar sekolah untuk mengisi masa dengan memainkan alat muzik tradisional terutamanya gendang.

5.2.2 CADANGAN MENGADAKAN PAMERAN “PERMAINAN ALAT MUZIK TRADISIONAL”

Pameran alat muzik tradisional merupakan satu usaha untuk memperkenalkan kepada generasi muda tentang kepentingannya yang pernah dibawa dalam membentuk aspek masyarakat dan budaya terdahulu. Oleh hal demikian, setiap ibubapa mestilah memainkan peranan penting dalam membawa anak-anak ke pusat pameran alat muzik agar menjadi inspirasi serta dapat memperkenalkan alat muzik tradisional. Dengan mengadakan pameran ini juga, masyarakat mengetahui kepentingan dan memelihara permainan gendang yang merupakan warisan budaya yang masih wujud dan berharap warisan ini diteruskan sehingga generasi akan datang.

5.3 PENUTUP

Kesimpulannya, bab ini pengkaji akan menyimpulkan keseluruhan iaitu dari bab satu hingga bab lima berkenaan kajian yang telah dijalankan tentang peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan permainan “gendang” tradisional di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Hal ini kerana, pemeliharaan permainan alat muzik gendang sangat penting dalam

penjagaan bagi memastikan warisan yang ada ini tidak terus hilang dalam arus pemodenan. Pihak berkepentingan berperanan memainkan peranan penting dalam pemeliharaan permainan gendang dengan mendedahkan tentang kepentingan menjaga khazanah warisan yang kita miliki kepada generasi muda terutamanya. Proses pemeliharaan warisan gendang ini perlu diuruskan dengan lebih baik agar dapat diturunkan dan diwarisi oleh generasi baharu.



RUJUKAN

Bibliography

AMIN, R. M. (2017). KOMUNIKASI, INSTRUMENTASI DAN SENI PERSEMBAHAN GAMELAN MELAYU DAN JAWA. *Jurnal Melayu*, 272-288.

awani, M. F. (2013). PEWARISAN PERMAINAN REBANA PERAK .

Nasruddin., M. G. (2003). *Muzik Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

TAWAU, G. A. (2015). PEMELIHARAAN SENI BUDAYA WARISAN GENDANG PAMPAT. *Pengurusan Seni*, 1-13.

YUSOFF, M. Y. (2018). PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN2018. *Jurnal Melayu*, 143-159.

Jurnal Melayu, Bil. 17(2) (2018) KAJIAN: PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANAAN DI MALAYSIA. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Warisan Kebangsaan 2005; jati diri; pemuliharaan; perundangan warisan; Warisan budaya

Negara, J. W. (2011). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. <https://khairulhkamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduanpemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>

Phillips, Robert (2003). *Teori Stakeholder dan Etika Organisasi*. Penerbit Berrett-Koehler.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Jabatan_Warisan_Negara

Kechot, A. S., Hamid, S. A., Aman, R., Hassan, Z., Haliza, D., & Jamal, D. (2012). Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 35–46.

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) Jabatan Warisan Negara.

Negara, J. W. (2011). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. <https://khairulhikamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduanpemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>

<http://stakeholdertheory.org/about/>

MOHD YUSOFF, Y. U. S. Z. A. I. D. Y. (2011). AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTAS LALU. AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTAS LALU, 173–188. <https://core.ac.uk/download/pdf/11492461.pdf>

<https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/03/437101/martabat-seni-muzik-tradisi>

https://www.researchgate.net/publication/294892823_Kelestarian_dan_Pengkomersialan_Seni_Persembahan_Tradisional_Melayu_dalam_Konteks_Industri_Kreatif_Cabaran_Peluang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN